

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myHouseowner & Householder. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Takaful myHouseowner & Householder menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah kediaman persendirian dan rumah pangsa dan harta penghuni di hotel, kelab kediaman dan rumah tumpangan yang digunakan semata-mata untuk tujuan kediaman.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a) **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Sebahagian lebihan boleh dibahagikan yang dikreditkan ke dalam DTA akan diagihkan kepada peserta yang layak dalam bentuk pulangan tunai berdasarkan Hibah.
- b) **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- c) **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- d) **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- e) **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi kerugian atau kerosakan akibat:

- i) Kebakaran, kilat, petir, kebakaran dalam tanah;
- ii) Letupan domestik;
- iii) Kerosakan pesawat dan peranti penerbangan dan/atau bahagian yang gugur daripadanya;
- iv) Kerosakan hentaman kepada sebarang bangunan yang disebabkan oleh sebarang kenderaan jalan raya atau haiwan yang bukan milik atau di bawah kawalan Peserta atau mana-mana ahli keluarganya;
- v) Pecahan atau limpahan tangki air domestik, perkakas atau paip air tidak termasuk:
 - a) Berkaitan setiap kerugian hingga ke amaun yang dinyatakan dalam Jadual.
 - b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku semasa Kediaman Persendirian tersebut tidak dijaga.
- vi) Kecurian dengan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam atau keluar dari sesebuah bangunan atau sebarang cubaan untuk melakukan yang sedemikian. Dengan syarat Kediaman Persendirian tersebut tidak ditinggalkan tidak berpenghuni selama lebih sembilan puluh (90) hari sama ada secara berterusan atau tidak dalam Tempoh Takaful, melainkan jika dipersetujui melalui endorsemen;
- vii) Hurikan, puting beliung, taufan, angin ribut tertakluk pada Klausula Ekses yang dinyatakan dalam Jadual;
- viii) Gempa bumi, letusan gunung berapi tertakluk kepada Klausula Ekses seperti yang dinyatakan dalam Jadual; dan/atau
- ix) Banjir tetapi tidak termasuk kerugian dan kerosakan oleh mendapan atau runtuh tanah, tertakluk kepada Klausula Ekses seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Manfaat Tambahan:

- i) Kerugian sewa tidak melebihi jumlah agregat sehingga 10% daripada Jumlah Dilindungi bagi bangunan/kandungan;
- ii) Liabiliti pihak ketiga sehingga RM50,000.00.

Berikut adalah perlindungan tambahan tertakluk kepada sumbangan tambahan:

- 1) Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat keganasan;
- 2) Mendapan dan runtuh tanah;
- 3) Kerugian sewa (jika lebih daripada 10% daripada Jumlah Dilindungi bagi bangunan); dan/atau
- 4) Pertambahan Jumlah Dilindungi bagi liabiliti pihak ketiga daripada RM50,000.00; Hingga RM100,000.00 sumbangan tambahan sebanyak RM10.00. Hingga RM250,000.00 sumbangan tambahan sebanyak RM20.00.

Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan tahunan yang perlu anda bayar adalah dikira berdasarkan jumlah perlindungan yang dipilih:

a) Perlindungan "Houseowner" (Bangunan) – Hanya Pembinaan kelas 1A & 1B diterima

Kadar

Kelas Pembinaan	1A Dinding Luaran – Dibina sepenuhnya daripada bata Bumbung – Dibina sepenuhnya daripada bahan bukan mudah terbakar	1B Dinding Luaran – Sebahagiannya dibina daripada bata dan bahan-bahan yang tidak mudah terbakar Bumbung – Dibina sepenuhnya daripada bahan bukan mudah terbakar
Rumah Atas Tanah	0.090%	0.226%
Flat & Pangsapuri	0.093%	0.243%

Tertakluk kepada sumbangan minima sebanyak RM60.00

b) Perlindungan "Householder" (Isi Rumah) – Hanya Pembinaan kelas 1A diterima

Kadar: 0.338%

Tertakluk kepada sumbangan minima sebanyak RM60.00

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	35% daripada sumbangan di mana: - Komisen – 15% - Perbelanjaan lain – 20%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan yang dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

a) **Tanggungjawab Pendedahan Kontrak Takaful Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan

kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- b) **Perubahan risiko** – anda mesti memaklumkan kami atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- c) **Tanggungjawab Peserta** - anda perlu mengambil semua langkah berjaga-jaga bagi keselamatan hartanah yang dilindungi.
- d) Anda mesti memastikan supaya harta anda dilindungi dalam amaun yang sewajarnya, sama ada ke atas:
 - i) **Asas nilai pasaran** - kami akan membayar kos penuh bagi membaiki kerosakan harta tersebut tolak amaun haus, lusuh dan susut nilai.
 - ii) **Asas nilai penggantian** – kami mengembalikan, memperbaiki atau mengganti kerugian atau kerosakan harta tanpa sebarang tolakan dibuat bagi haus dan lusuh atau susut nilai dengan syarat jumlah yang dilindungi mencukupi untuk melindungi kos penggantian.
- e) **Jumlah perlindungan tidak mencukupi** – anda mesti memastikan supaya jumlah yang dilindungi adalah mencukupi, jika tidak, syarat-syarat purata akan diguna pakai bagi jumlah perlindungan yang tidak mencukupi pada masa kerugian berlaku. Anda dianggap akan menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.
- f) **Ekses** – adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- i) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau sebarang tindakan keganasan.
- ii) Arahan kerajaan atau Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii) Senjata nuklear atau pengionan radiasi atau pencemaran.
- iv) Apa jua bentuk kerugian atau kerosakan.
- v) Kerosakan harta ke atas data atau perisian.
- vi) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecurian oleh pembantu rumah anda atau mana-mana ahli keluarga atau isi rumah.
- vii) Bir, arak, gambar haiwan atau barangan yang digunakan untuk tujuan keagamaan seperti berhala.
- viii) Seksyen “Liabiliti kepada Awam” tidak melindungi sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos yang melibatkan kerosakan melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, penghapusan atau pengelakan asbestos atau potensi terdedah kepada asbestos.
- ix) Sebarang acara/aktiviti lain yang dilarang/bertentangan dengan Syariah.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai lengkap pengecualian di bawah produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful myHouseowner/Householder, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau ejen kami atau anda boleh merujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* berkaitan 'Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah', yang boleh didapati di cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

Peti Surat 11483,

50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603 - 2274 0237

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan sama yang disediakan.

Sila rujuk kepada cawangan atau ejen kami untuk mendapatkan maklumat mengenai perlindungan berkaitan yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2024.